

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN**

Ruj. Kami : ANM (T) 81/41/25/2 Jld.4 (12)

Tarikh: 12 Mac 2014

PERKARA	KURSUS SIRI 2/2014: KECEMERLANGAN DAN MOTIVASI DIRI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM	
DARIPADA	KPPK SKPSM 1	Salinan : ANM TAN (K) } TAN (O) } <i>Yg. Bhg. Datuk / Dato' dijemput hadir</i>
KEPADA	SEMUA PENGARAH BAHAGIAN TP SKP	

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menganjurkan kursus bulanan siri 2/2014 bertajuk "Kecemerlangan Dan Motivasi Diri Di Kalangan Penjawat Awam". Kursus akan disampaikan oleh Dr. Hajah Rusni binti A. Ghani dari Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam. Kursus akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 25 Mac 2014 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat : Dewan Serbaguna JANM
Aras 7, JANM Putrajaya


3. Sehubungan dengan itu, semua warga JANM adalah dijemput hadir. Pendaftaran kursus boleh dibuat mulai 13 Mac 2014 secara atas talian (*online*) di website Jabatan (www.anm.gov.my).

4. Bagi tujuan penjimatan dan melicinkan pengurusan logistik, semua pegawai yang telah mendaftarkan nama adalah diwajibkan menghadiri kursus. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada peserta yang gagal hadir tanpa pengganti dan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Sijil kehadiran hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang hadir dan mengikuti kursus sepenuhnya, iaitu enam (6) jam waktu berkursus. Sijil boleh dimuat turun selepas 14 hari kursus selesai dijalankan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Puan Fadzilah binti Jaafar Sidek	-	03-88821056
Encik Mohamad Akmal Nizar bin Ellias	-	03-88821171
Cik Magdeline Sitam	-	03-88821183

Sekian, terima kasih.

"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan "



(ZAIDA AZIAN BINTI SHAFIEI)

Samb. tel. : 1035

e-mail : zaida@anm.gov.my